PERTISAS

# Buletin PERTISAS

BULETIN PERSATUAN PEGAWAI TADBIR DAN IKTISAS UTM

Edisi 1

April 2016

## MESYUARAT AGONG PERTISAS SESI 2016

Pada 1 Mac 2016 bertempat di Dewan Senat UTM, Johor Bahru telah di adakan Mesyuarat Agung PERTISAS bagi sesi 2016. Dengan kemudahan teknologi ahli mesyuarat dari kampus UTM Kuala Lumpur juga turut bersidang di Dewan Jumaah menerusi *video conferencing*. Ini mejadikan jumlah keseluruhan ahli mesyuarat pada kali ini adalah seramai 61 orang.

Ahli mesyuarat telah sebulat suara memilih dan seterusnya mengekalkan En. Azri Bin Hoad sebagai President PERTISAS dan En. Mohd Fazilah bin Abdullah sebagai Timbalan President bagi sesi 2016. Manakala lain-lain jawatan majlis tertinggi dan biro-biro memperlihatkan wajah baru barisan kepimpinan.

Tidak dilupakan jasa barisan kepimpinan sesi lepas, penyampaian Penghargaan Khas Exco Terbaik diberikan kepada En. Mohd Fazilah bin Abdullah selaku Timb. Yang DiPertua dan Pn. Normala bte Amat selaku Exco Kebajikan. Selain itu turut disampaikan penghargaan kepada tiga Ahli Terbaik iaitu En. Jalil bin Maulani, En. Azizul bin Azman dan En. Shamsul Azli Shamsury.




En Azri Hohad membentangkan Laporan PERTISAS bagi SESI 2013/2016

## BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK OLEH BARISAN KEPIMPINAN 2016/2018



Barisan jawatankuasa komited dalam merancang aktiviti PERTISAS

**10 Mac 2016** , Bertempat di Bilik Seminar Kolej Tun Hussein Onn, UTM telah diadakan bengkel perancangan strategik PERTISAS yang dihadiri oleh 11 orang barisan kepimpinan baru sesi 2016/2018. Dalam bengkel yang dipengerusikan oleh Presiden yang baharu iaitu En. Azri Hohad, pemantapan serta pelan aktiviti bagi tahun 2016/2017 dirancang dengan teliti sebagai inisiatif penting dalam memstikan aktiviti PERTISAS terus relevan dan memenuhi keperluan ahlinya serta menyumbang kepada UTM.

Beberapa inisiatif baru telah dirangka anataranya *"Branding "* PERTISAS , semakkan semula Skim Kebajikan PERTISAS, aktiviti santai ahli PERTISAS dan keluarga, program *Community Social Responsible* (CSR), kerjasama dengan pihak luar dalam menganjurkan aktiviti kerohanian dan sebaginya telah dirancang sepanjang setengah hari bengkel ini diadakan. Selain itu juga barisan kepimpinan baru telah menunjukkan komitmen yang tinggi kearah mentransformasikan PERTISAS kepada satu persatuan staf bukan akademik yang disegani serta mempunyai pengaruh dalam membuat keputusan penting di UTM.

**KETUA EDITOR**
EN. KIFLEE BIN JIMPI

**EDITOR**
PN. UMUSSAA'DAH BINTI ADAM

**FOTOGRAFI**
EN. AZIZUL BIN AZMAN

### SENARAI KEPIMPINAN BARU PERTISAS

**Presiden**
En. Azri bin Hohad
azri@utm.my | 018-238 0806

**Timbalan Preseiden**
En. Mohd Fazilah bin Abdullah
mfazilah@utm.my | 019-740 5204

**Naib Presiden I**
En. Mohd Farid bin Rahmat
mrahmat@utm.my | 016-717 1086

**Naib Presiden II**
Pn. Azlin binti Abd. Jamil
azlinjamil@utm.my | 019-776 9000

**Naib Presiden III**
En. Nasir bin Osman
nasir.kl@utm.my | 013-633 2478

**Setiausaha**
En. Mohd Syazli bin Md. Tahir
msyazli@utm.my | 013-720 2594

**Penolong Setiausaha**
Pn. Norliza binti Abd. Rahim
arnorliza@utm.my | 017-703 0481

**Bendahari**
En. Shamsul Azli bin Shamsuray
shamsulazli@utm.my | 017-752 3803

**Biro Latihan**
En. Md Yani bin Kasiren
mdyanik@utm.my | 012-609 6892

**Biro Sukan**
En. Mohammad Firdaus bin Wahyudin
mfirdausw@utm.my | 012-743 4367

**Biro Kerohanian**
En. Mohd Shaifuddin bin Mohamad
shaifuddin@utm.my | 019-7734026

**Biro Penerbitan**
En. Kiflee bin Jimpi
kiflee@utm.my | 017-788 0405

**Biro IT**
En. Azizul bin Azman
azizulazman@utm.my | 012-794 6813

**Biro Korporat**
Pn. Nur Hakimi binti Karsono
nurhakimi.kl@utm.my | 019-7045684

**Biro Kebajikan**
Pn. Saidatul Akmar binti Mohd Sazali
saidatulakmar@utm.my | 012-609 6892

**PEMERIKSA KIRA-KIRA:**
En. Abu Bakar bin Mohd Salleh
bakars@utm.my | 019-7134347
Pn. Siti Hajar Abu Bakar
cthajar@utm.my | 012-7766890

# SESI WALKABOUT SEKITAR KAMPUS BERSAMA NAIB CANSELOR



Bermula pada jam 5.15 petang 30 Mac 2016 , telah diadakan sesi Walkabout sekitar kampus UTM JB bersama-sama Y.Bhg Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar, Naib Canselor UTM. Tujuan utama sesi ini adalah inisitaif kepimpinan tertinggi PERTISAS dan juga kepimpinan tertinggi UTM secara berjalan kaki sekitar kawasan kampus dengan menusuri kawasan pejalan kaki serta keadaan disekelilingnya.

Dalam sesi itu juga peserta termasuklah Y.Bhg Datuk Naib Canselor mengenalpasti kawasan bermasalah seperti keadaan longkang sekitar kawasan pejalan kaki , bahagian belakang arked, tasik UTM serta mengutip sampah disekitarnya. Selain itu Y.Bhg Datuk Naib Canselor dan ahli PERTISAS yang menyertai sempat beramah mesra dan bertanya pendapat kepada warga kampus khusnya para pelajar yang berada si sekitar kawasan sewaktu aktiviti dijalankan. Sesi bermula dan berakhir di Foyer Bangunan Canseleri sekitar jam 6.30 petang. Diharapkan dengan aktiviti ini, dapat menjadi contoh teladan kepada semua warga UTM mengenai kepentingan menjaga kebersihan kampus yang menjadi tanggung jawab bersama.







# DALAM KENANGAN ALLAHYARHAM EN. AFANDI AHMAD — MAJLIS TAHLIL DI MSI ANJURAN PERTISAS







Biro Kerohanian, Pertisas dengan Kerjasama Pusat Islam dan Fakulti Awam telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Arwah En. Muhamad Afandi bin Hamzah yang telah pulang Rahmatullah pada 10 Mac 2016.

Majlis tersebut telah di ketuai oleh Al-Fadhil Ustaz Mohamad Ilyas bin Ismail di Dewan Solat Utama Masjid Sultan Ismail pada 24 Mac 2016, selepas selesai Solat Zohor. Seramai 50 orang ahli PERTISAS telah hadir meramaikan majlis tersebut.






Sebagai salah satu usaha untuk menanamkan rasa kasih pada kalam Allah serta membudayakan Al-Quran dalam kehidupan setiap individu terutama pada para ahli PERTISAS maka, program Khatam Al-Quran PERTISAS telah dimulakan pada tahun 2016.

Biro Kerohanian mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tn Haji Abu Bakar Mohd Salleh@Ahmad kerana memula dan menyelaraskan program berkenaan yang sangat memberi manafaat terutama sebagai galakkan untuk setiap individu khatam 30 juzuk pada tahun ini sekurang-kurang sebanyak 2 kali. Seramai 28 orang ahli telah terlibat dan dilibatkan 2 orang invidu dari kariah luar.

Program Khatam PERTISAS telah melalui 4 siri iaitu pada 10 hingga 20 Mac 2016, 21 hingga 31 Mac 2016, 1 hingga 12 April 2016, 13-24 April 2016. Pada tarikh 23 jun 2016, biro kerohanian telah merancang untuk mengadakan Program Khatam Al-Quran PERTISAS bersekali dengan Iftar dan Khatam Al-Quran Perdana di peringkat Universiti.

Ahli PERTISAS diberi ruang dan peluang untuk menginfaqkan harta melalui jualan Dulang Nasi Arab Kambing 40. Ahli yang berkenaan juga akan iftar bersama-sama pelajar bagi tujuan mengiratkan silaturrahim dengan makan menggunakan dulang yang sama.

سباڬاي ساله ساتو اوسها اونتوق منانمكن راس كاسيه ڤد كلام الله سرتا ممبودياكن القرءان دالم كهيدوڤن ستياڤ اينديۏيدو تراوتما ڤد ڤارا اهلي ڤرتيسس مك، ڤروڬرام ختم القرءان ڤرتيسس تله دمولاكن ڤد تاهون 2016.

بيرو كروهانيان مڠوچڤكن جوتأن تريما كاسيه كڤد توان حاج ابو بكر محمد صالح@احمد كران ممولا دان مپلارسكن ڤروڬرام بركنأن يڠ ساڠت ممبري منافاات تراوتما سباڬاي ڬالقكن اونتوق ستياڤ اينديۏيدو ختم 30 جزوء ڤد تاهون اين سكوراڠ-كورڠ سباپق دوا كالي. سراماي 28 اورڠ اهلي تله ترليبت دان دليبتكن دوا اورڠ اينديۏيدو دري قرية لوار.

ڤروڬرام ختم ڤرتيسس تله ملالوءي أمڤت سيري اياءيت ڤد 10 هيڠڬ 20 مچ 2016، 21 هيڠڬ 31 مچ 2016، 1 هيڠڬ 12 اڤريل 2016، 13-24 اڤريل 2016. ڤد تاريخ 23 جون 2016، بيرو كروهانيان تله مرنچڠ اونتوق مڠاداكن ڤروڬرام ختم القرءان ڤرتيسس برسكالي دڠن افطر دان ختم القرءان ڤردانا د ڤريڠكت اونيۏرسيتي.

اهلي ڤرتيسس دبري رواڠ دان ڤلواڠ اونتوق مڠاءنفقكن هرتا ملالوءي جوالن دولڠ ناسي عرب كمبيڠ 40 هاري.

اهلي يڠ بركنأن جوك اكن افتر برسام-سام ڤلاجر باڬي توجوان مڠيرتكن صلة الرحيم دڠن ماكن مڠڬوناكن دولڠ يڠ سام.

## 'BOOTH PERTISAS'
## SEMPENA PERJUMPAAN BULANAN NAIB CANSELOR

Pada 6 April 2016, Biro Korporat dengan kerjasama biro-biro lain telah julung kalinya membuka 'Booth PERTISAS ' yang mana memberi peluang kepada ahli PERTISAS untuk mengunjungi wakil PERTISAS yang berada di lokasi berkenaan.

Aktiviti yang telah berjaya menarik perhatian ramai staf termasuk staf akademik telah menempatkan beberapa susunan aktiviti yang menarik seperti pendaftaran keahlian baru, mendapatkan maklumbalas pelanggan, menghebahkan berkenaan skim kebajikan di bawah PERTISAS dan pengambilan Cendermata 'MUG ' bagi ahli yang masih belum menuntutnya. Aktiviti yang berlangsung selama 2 jam itu berjaya menarik perhatian staf yang hadir dan turut serta dalam aktivit yang diadakan.

Dengan mengambil kira sokongan dan keprihatinan staf pihak PERTISAS akan membuka 'Booth' PERTISAS pada setiap kali Perjumpaan Bersama NC diadakan dengan diketuai oleh Biro Korporat.





## SENARAI JAWATANKUASA PERTISAS 2016/2018



**Presiden**

Azri bin Hohad



**Timbalan Presiden**

Mohd Fazilah bin Abdullah



**Naib Presiden (I)**

Mohd Farid bin Rahmat



**Naib Presiden (II)**

Azlin binti Abd. Jamil



**Naib Presiden (III)**

Nasir bin Osman



**Bendahari**

Shamsul Azli bin Shamsuray



**Setiausaha**

Mohd Syazli bin Md. Tahir



**Penolong Setiausaha**

Norliza binti Abd. Rahim



**Biro Latihan**

Md. Yani bin Kasiren



**Biro Kebajikan**

Saidatul Akmar binti Mohd Sazali



**Biro IT**

Azizul bin Azman



**Biro Sukan**

Mohammad Firdaus bin Wahyudin



**Biro Kerohanian**

Mohd Shaifuddin bin Mohamad



**Biro Penerbitan**

Kiflee bin Jimpi



**Biro Korporat**

Nur Hakimi binti Karsono



**Pemeriksa Kira-Kira I**

Abu Bakar bin Mohd Salleh



**Pemeriksa Kira-Kira II**

Siti Hajar binti Abu Bakar